

SAMUDERA

**RAZYIATON RAGHAZLI
PECAH TRADISI UMT
YDP WANITA PERTAMA**

**NURUL FARHANA
ANUGERAH NADI NEGARA**

JELAJAH JOHOR IV



PHOTO BY:
Chara Chaiya

ISSN 2229-8363



SLOGAN UMT

*Terokan Seluas Lantan,
Demi Kelestarian Sejagat*



PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar



PENASIHAT

Timbalan Naib Canselor HEPA
YBhg. Profesor Madya Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali



EDITOR PENGURUSAN

Pengarah PPHKP
Dr. Izan Binti Dato' Haji Jaafar



KETUA PENGARANG

Exco Publisiti dan Penerbitan
Siti Zaharah Binti Mahizi



TIMBALAN KETUA PENGARANG

Exco Teknologi dan Multimedia
'Aqilah Najwa Binti Mohd Nazri



PEMBACA PRUF

Exco Etika dan Protokol
Nor Ainsyafikah Binti Madiran



PEREKA

Exco Pembangunan Insan
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

JURUFOTO

Nurul Nadhirah Binti Ruzelan
Shantichart (Chart Chaiya)

WARTAWAN

Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri
Nor Sofeyana Azra Binti Haridan
Anis Sofea Binti Zulpakar
Noor Adilatul Husna Binti Arfiew
Pazrilazran Bin Paijan
Siti Hazwani Binti Muhamad Noor
Nurhanisah Binti Marzukhi
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi
Muhammad Ameerul Hafiz Bin Mohd Rosli
Mohd Syafiq Aizat Bin Abdul Aziz

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Kandungan



- 06 UMT PECAH TRADISI, YDP WANITA PERTAMA
- 10 JELAJAH JOHOR FASA VII
- 12 ANUGERAH NADI NEGARA

- 13 MASKUM UMT
- 14 ASAH BAKAT PENGACARAAN
- 16 MARSHMELLO RUN 2017



- 17 FROM ZERO TO HERO
- 19 AL-QUDS DI KALBU
- 21 KEMBARA DARUL KHUSUS
- 22 KELAS TEKNIKAL KAYAK BERSAMA TNC HEPA

- 23 UMT JUARA! IPT DIVISYEN II
- 24 TOKOH SISWA
- 25 ASAH BAKAT DI BRUNEI



- 26 TEROKAI DUNIA KOSMETIK
- 27 RUKUN ISLAM
- IKUTI LAMAN SOSIAL KAMI



Majlis Perasmian Penutup
MURAL
 2017
 MASS VOLUNTEERISM
 Sek Men Sains Sultan Mahmud
 25 November 2017
 8.00pagi-12.00tengahari

#UmtSohor #GenerasiKuUmt #VolunteerForAll

MAJLIS ANUGERAH
NADI NEGARA
 2017
 25 NOV 2017 | 1.30PM
 DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PWTC, KL

Bicara

TMC HEPA



Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara,
Assalamualaikum mulanya kata,
Saya sembah pembuka bicara,

Profesor Madya Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum wbt

Senario sebelum ini Majalah Samudera disediakan sepenuhnya oleh Pihak Penerbit UMT. Namun begitu artikel dan pengisian adalah disediakan oleh pelajar dan pihak HEPA. Pada edisi kali ini, pihak penerbit telah memberikan satu tawaran bahawa Majalah Samudera untuk disediakan penuh oleh pihak Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018. Saya rasa sangat yakin dengan kelebihan dan kreativiti oleh pelajar akan dapat menghasilkan majalah edisi pada kali ini lebih baik daripada yang sebelum ini. Berikutan hasrat Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar pada isu perpaduan.

Pada hemat saya, semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa/i UMT perlu dipupuk dengan mendekatkan jurang mahasiswa/i daripada pelbagai jenis kaum dengan mengadakan aktiviti kebudayaan, sukan dan sebagainya. Semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa/i UMT merupakan hasrat Dato' NC sendiri. Dengan itu, Rukun Tetangga adalah salah satu platform yang akan dapat menyatukan perpaduan dan kerjasama antara kaum dan turut dapat membantu pihak keselamatan dan kolej siswa dalam pemantauan keselamatan pelajar sendiri.

Akhir kalam, pada pendapat saya sendiri pelajar UMT adalah pelajar terbaik terutama dalam penglibatan aktiviti yang merangkumi agama, akademik, sukan dan kebudayaan sambutannya amatlah memberangsangkan. Pelajar perlulah seimbang dalam akademik dan bukan akademik sebagaimana hasrat TNC Akademik dan Antarabangsa. Harapan saya adalah pelajar dapat berfikir dengan lebih matang dan mengamalkan sikap keterbukaan yang tinggi dalam menangani segala permasalahan.

AKTIVITI PELAJAR

ANJURAN HEPA

MAC

Kejohanan Sukan Antara Pusat Pengajian (SUAPP)
 2018 FISU World University
 Shooting Sport Championship
 Program Cakna Komuniti Bersama Penghuni Rumah Komuniti
 Hulu Besut
 Kursus Transformasi Dan Jati Diri Presiden Kelab
 Karnival Kerjaya
 CEO@Faculty Public Lecture
 Sanggar Seni
 Penerbitan
 i) Buletin
 ii) Coffee Table Book
 iii) Workshop dan pertandingan

APRIL

Kejohanan Bola Tampar Piala TNC HEPA
 Kem Pementapan Kepimpinan Staf HEPA
 Minggu Eksplorasi Diri 2.0 Kendali Konflik, Urus Emosi Anda
 Career, Entrepreneurship and Skills Festival 2018
 Festival Tari Drama dan Filem Terbuka Kebangsaan
 Community Engagemant Program (Karnival Luar Kampus)

ANJURAN MPP

MAC

JEMAAH SUBUH PERDANA
 NEGARAKU MARTABATKU
 WE LOVE BONDA
 SUAPP
 TOWNHALL
 NATION BUILDING THROUGH CULTURE OF HEART

APRIL

IC4P
 TOWNHALL
 CEFS
 SUAPP
 PERASMIAN PENUTUP KEJOHANAN FESTIVAL SUKAN UMT
 2018

RAZYIATON RAGHAZLI YDP WANITA PERTAMA UMT

Anak jati kelahiran Kelantan, siapa sangka gadis bertubuh kecil ini telah memecah tradisi UMT dengan memegang jawatan selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018. Gadis kecil ini seorang yang berdikari dan berwibawa dengan visi dan misi hidupnya tersendiri sejak kecil lagi. Dilahirkan di Kubang Kerian, Kelantan, Razyiaton Binti Raghazli telah melibatkan diri dengan aktif dalam pelbagai aktiviti kepimpinan sejak berada di zaman sekolah lagi. Razyiaton atautnama panggilanannya, Raz seorang yang petah bercakap dan seorang yang berfikiran terbuka, namun siapa sangka Raz dahulu kalanya seorang yang pasif dan tidak suka dikenali orang ramai. Sifat pasifnya itu menjadi bualan orang, namun begitu beliau bangkit dengan semangat yang positif dan membuktikan kepada masyarakat bahawa beliau mampu menjadi lebih baik dari sebelumnya.

PENGLIBATAN

Raz seorang yang dikenali di universiti sebagai wakil pelajar bagi kursus beliau dan ketua kursus untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia ketika beliau berada di tahun 1 lagi. Atas kerana kepercayaan dan kejujurannya, pensyarah-pensyarah serta pelajar kursus tersebut telah mengundi beliau untuk memegang jawatan selaku Timbalan Presiden Kelab Sains Kimia (KESMIA). Namun, beliau terpaksa melepaskan jawatannya bagi mewakili suara mahasiswa dan mahasiswi ke peringkat yang lebih tinggi. Dikenali sebagai seorang yang positif, beliau sentiasa menjadikan ibunya sebagai semangatnya sejak ketiadaan ayahnya sewaktu kecil lagi. Namun begitu, Raz sentiasa menjadikan ayahnya sebagai idola dalam menjalani liku-liku hidupnya sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi. Merupakan lepasan STPM, Raz gemar menelaah buku berkaitan sejarah dan sains politik serta meluangkan masanya di perpustakaan yang menjadi tabiat lazimnya sendiri. Katanya, buku-buku lama berilmiah seperti memberi nafas baru kepada dirinya untuk sentiasa positif. Baru-baru ini juga Raz telah menghadirkan dirinya ke Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan dan telah berjaya merangkul jawatan selaku Ketua Kebajikan di antara wakil IPTA dan IPTS lain. Selain daripada itu, Raz juga merupakan Ikon Mahasiswa Nasional serta Peace ambassador bagi WFWP (Womens' Federation for World Peace).

Razyiaton Raghazli,
Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Malaysia Terengganu Sesi 2017/2018



"Jika kita tidak mengubah hidup kita sendiri, siapa yang akan ubah diri kita pada masa hadapan nanti. Jika anda tak korbakan untuk apa yang anda mahu, apa yang anda mahu itu akan jadi satu pengorbanan ". Ujarnya ketika ditemui baru-baru ini di PEMANAS 5.0 bertempat di PWTC .

"Mahasiswa tahu apa yang mahasiswa mahu."

INFO BIODATA YDP

Nama penuh

Razyiaton Binti Raghazli

Tarikh kelahiran

21 Ogos 1995

Tempat Kelahiran

Kubang Kerian, Kelantan

Adik-beradik

Anak kedua daripada tiga

Minat

Membaca buku berkaitan sejarah dan sains politik

Harapan

Belia di negara Malaysia dapat menjadi belia minda kelas pertama seiring dengan kemajuan dan permodenan negara kita.



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 2017/2018



UMAR | ANDI | SYAIFUDDIN | ADILATUL | KHALIDA | RAZIYATON | HAZWANI | SEE LUI FANG | ASHRAF | SHAHRIL | FAIZ

IZYANI | LIYANA | NADHIRAH | SHER-AINA | 'AQILAH | AIMI | AZIZ | AINSYAFIKAH | AMIRAH | ZAHARAH | HANISAH | FASIHAH | SHAFEERA



“REVOLUSI MAHASISWA, TUNJANG PERPADUAN”

RAZIYATON BINTI RAGHAZLI
YANG DIPERTUA

NUR KHALIDA BINTI MOHD RAIF
NAIB YANG DIPERTUA

NOR HAZWANI BINTI ABDUL
RAHMAN
SETIAUSAHA AGUNG

NOOR ADILATUL HUSNA BINTI
ARFIEE
SETIAUSAHA KEHORMAT

SEE LUI FANG
BENDAHARI KEHORMAT

ABDUL AZIZ BIN MOHAMED
RIDZWAN
EXCO INTEGRITI & PERPADUAN

AHMAD FAIZ BIN AHMAD FAZIEL
EXCO PENAJAAN & HUBUNGAN
LUAR

ANDI PUTERA AMIRUL BIN MAHRI
EXCO SUKAN & REKREASI

'AQILAH NAJWA BINTI MOHD
NAZRI
EXCO TEKNOLOGI & MULTIMEDIA

MUHAMMAD SHAHRIL JUHAIZI
EXCO KEBAJIKAN

MUHAMMAD UMAR FARHAN BIN
ARIFF
EXCO PENEMPATAN

NIK MUHAMMAD ASHRAF BIN
MAZELAN
EXCO KESELAMATAN

NOOR AIMI SHAZANA BINTI
MOHD YUSOFF
EXCO KEUSAHAWANAN & KERJAYA

NOR AINSYAFIKAH BINTI MADIRAN
EXCO ETIKA & PROTOKOL

NOR SHAFEERA RASYADA BT
SHAIFUL BAHRI
EXCO KEBUDAYAAN

NUR LIYANA BINTI LIZARUS
EXCO KEBAJIKAN

NURHANISAH BT MARZUKHI
EXCO KESIHATAN

NURUL FASIHAH BINTI ISMAIL
EXCO KELESTARIAN KAMPUS

NURUI IZYANI IZZATI BINTI MAT
ANDRI
EXCO HAL EHWAL DIPLOMA

NURUL NADHIRAH BINTI
RUZELAN
EXCO KESIHATAN

SHER-AINA BINTI AHMAD
EXCO SUKARELAWAN & KOMUNITI
LUAR

SITI AMIRAH BINTI MOHAMAD
AMIN
EXCO AKADEMIK

SITI ZAHARAH BINTI MAHIZI
EXCO PUBLISITI & PENERBITAN

WAN NOR AHMAD SYAIFUDDIN BIN
WAN NORAZMI
EXCO PEMBANGUNAN INSAN

PENYELARAS MPP

EN MUHAMMAD SYAHRIL HAFIZ
BIN AHMAD HALIM



MAJLIS WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU SESI 2017/2018



Kunjungan Hormat

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU BERSAMA NAIB CANSELOR UMT, PROFESOR
DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR

14 FEBRUARI 2018 | DEWAN SENAT UMT

JELAJAH JOHOR FASA VII



JELAJAH

JOHOR



FASA VII

Sekretariat Anak Johor (SOHOR) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah salah satu kelab sosial yang bergiat aktif bukan sahaja pada peringkat universiti malah di peringkat Antarabangsa. Program anak angkat atau lebih dikenali dengan nama Jelajah Johor sememangnya tidak asing lagi kerana telah menjadi salah satu tradisi bagi setiap kepimpinan SOHOR UMT. Kini, Jelajah Johor telah memasuki fasa yang ketujuh bagi kepimpinan baharu sesi 2017/2018 dengan berkonsepkan "Team Johor: Jelajah Kemasyarakatan dan Kesukarelawanan". Program Jelajah Johor Fasa 7 telah berlangsung selama enam hari dan lima malam bertempat di Universiti Malaysia Terengganu, Felda Tenggaroh 2, Mersing dan Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang yang dijayakan oleh 74 orang peserta dan bukan sahaja terdiri daripada anak jati Johor tetapi mahasiswa berasal dari negeri lain yang berbeza latar belakang seperti Sabah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Siri Jelajah Johor Fasa 7 pada kali ini telah dianjurkan berfokus kepada aktiviti khidmat masyarakat, bakti siswa, pendidikan serta kerohanian bersama masyarakat setempat dan selebihnya bertujuan untuk merapatkan silaturahmi antara ahli kelab itu sendiri. Ia dibahagikan kepada 4 kluster utama iaitu Kluster Kesukarelawanan, Kluster Pendidikan, Kluster Sosial dan Kluster Kerohanian

yang setiap satunya mempunyai objektifnya yang tersendiri. Program tradisi ini ditambah menarik lagi dengan Kluster Kesukarelawan menerusi slot 'We Care We Love'. Dalam slot ini, mereka menyelami masalah yang dihadapi dengan memberi sokongan moral, sumbangan keperluan harian dan bekerjasama bergotong-royong membersihkan kawasan rumah keluarga tersebut. Penggerak SOHOR UMT turut mengadakan program motivasi yang melibatkan seramai 360 pelajar dari SK Felda Tenggaroh 2, SMK Felda Tenggaroh dan SMK Pasir Gudang 2 yang akan menghadapi peperiksaan UPSR dan SPM. Jelajah Johor Fasa 7 ini

juga tidak ketinggalan mengadakan pelbagai program berunsurkan kerohanian yang melibatkan masyarakat tanpa mengira lapisan umur. Solat Hajat Perdana dan membersihkan kawasan perkuburan serta ceramah agama yang bertajuk 'Kesukarelawan dari Sudut Islam' yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Syafie Bin Rahmat, Pegawai Eksekutif Waqaf Annur Corporation Berhad. Selain itu, program ini juga diselitkan dengan aktiviti Malam Kebudayaan yang melibatkan para peserta dan keluarga angkat masing-masing bagi mengeratkan lagi keakraban antara satu sama lain. Program ini diserikan lagi dengan Kluster

Sosial apabila Perlawanan Akhir Bolasepak Liga RKK33 di SMK Felda Tenggaroh turut disaksikan oleh para peserta Jelajah Johor Fasa 7 bersama YB Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Antara aktiviti lain yang dijalankan bersama-sama ialah riadah, membersihkan kawasan kolam ternakan ikan air tawar, mencerikan kawasan kampung, dan lawatan ke Taman Sarang Buaya Pasir Gudang dan Ladang Penternakan Kupang Selat Tebrau seluas 1.5 km yang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Wilayah Johor Selatan dan masyarakat Orang Asli Seletar setempat.



NURUL FARHANA ANUGERAH NADI NEGARA 2017

Disediakan oleh:
Nurul Farhana Binti Ismail



Bismillahirrahmanirrahim. Pertama sekali, Alhamdulillah serta rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas nikmat dan rezeki kurniaanNya Pada 25 November 2017 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn (PWTC) , Kuala Lumpur , saya Nurul Farhana binti Ismail dari Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) telah diberi peluang terpilih sebagai wakil tunggal UMT untuk Penerima Anugerah Nadi Negara 2016 pada Majlis Anugerah Nadi Negara 2017 anjuran Wanita UMNO Malaysia. Anugerah ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada graduan

graduan yang cemerlang dalam bidang akademik, aktif dalam kokurikulum serta mempunyai ciri kepimpinan yang berkualiti sepanjang mengikuti pengajian di universiti. Pada tahun 2017, Anugerah Nadi Negara 2016 diteruskan kesinambungannya dengan penganugerahan kepada seramai 25 graduan yang terdiri daripada 20 graduan universiti awam, dua graduan universiti swasta, seorang graduan lepasan universiti luar negara dan buat julung kalinya, anugerah ini turut diberikan kepada dua orang penerima dalam kalangan graduan orang kelainan upaya (OKU). Semasa majlis tersebut berlangsung, ucapan yang penuh bermakna diselangi nasihat-nasihat yang membina telah disampaikan oleh beberapa orang pemimpin hebat Negara iaitu Pengerusi Sekretariat Pendidikan Dan Pengajian Tinggi Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datuk Noraslina Datuk Zainal Abidin, YBhg. Tan Sri Shahrizat Abd Jalil (Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia), Setiausaha Agung UMNO Malaysia merangkap Menteri Wilayah Persekutuan iaitu YB Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta Ahli Majlis Tertinggi UMNO merangkap Menteri Pendidikan Tinggi iaitu Datuk Seri Idris Jusoh dan kepimpinan Wanita UMNO Malaysia. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada seluruh ahli keluarga, sahabat handai, pensyarah-pensyarah UMT, Dato' Naib Canselor UMT, TNC HEPA UMT, Pusat Hal Ehwal Pelajar Dan

Alumni (HEPA) UMT, Pusat Pembangunan Holistik Dan Kaunseling Pelajar (PPHKP) UMT, semua pegawai serta seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu yang banyak membantu saya sepanjang bergelar mahasiswa di UMT. Tidak lupa juga kepada Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan NGO Nadi Negara, berbanyak terima kasih saya ucapkan atas kepercayaan dan peluang yang telah diberikan kepada saya. Walaupun saya sudah bergelar alumni UMT, saya sentiasa berjanji pada diri saya untuk berusaha membawa nama UMT sehingga ke persada dunia. Saya akan memanfaatkan segala ilmu yang telah d i c u r a h k a n kepada saya sepanjang saya bergelar mahasiswa di UMT. In Shaa Allah. Terima kasih UMT. I LOVE UMT.





Disediakan oleh:
Siti Hazwani Binti Muhamad Noor



Program Mass Volunteerism 2017 “MURAL” ini merupakan satu program yang melibatkan semua staf dan kakitangan termasuk pensyarah serta pelajar-pelajar dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia. Projek ini telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk menggilap bakat mahasiswa universiti dalam bidang seni kreatif sekaligus mempamerkan kreativiti individu yang terlibat. Selain itu, program ini bertujuan untuk menceriakan kawasan sekitar Kuala Nerus sebagai tempat yang bakal menjadi salah satu platform tarikan pengunjung. Tambahan pula, semangat cinta akan tanah air dapat diterapkan dalam diri mahasiswa berdasarkan penghasilan mural mengikut tema yang telah ditetapkan.



GEMERSIK

K E L A B P E N G A C A R A A N



Kelab Pengacaraan dan Komunikasi (GEMERSIK) merupakan salah satu kelab kebudayaan yang memfokuskan terhadap bidang pengacaraan melalui penglibatan ahlinya dalam pelbagai program atau acara rasmi mahupun tidak rasmi di Universiti Malaysia Terengganu. Kelab yang tidak asing lagi di universiti ini telah mempunyai platform dan keunikan yang tersendiri sehingga mampu melibatkan ahlinya dalam sebarang program universiti mahupun program luar.

AKTIVITI KELAB

Latihan yang diadakan setiap minggu dengan bantuan ahli-ahli kelab yang berpengalaman dalam bidang pengacaraan telah mendedahkan ahli-ahlinya mengenai beberapa ilmu penting yang perlu dipraktikkan untuk menjadi seorang pengacara. Pada minggu awal kemasukan universiti, para ahli baru dilatih

untuk bercakap di khalayak ramai dan berfikir secara kritikal untuk menjana pelbagai ilmu yang kreatif. Ahli kelab juga akan diberikan ilmu pengacaraan yang pelbagai antaranya etika menjadi pengacara majlis rasmi atau pengacara majlis tidak rasmi. Skop pengacaraan kelab ini juga tidak hanya memfokuskan

kepada acara rasmi ataupun tidak rasmi, malahan para ahli juga diberi pendedahan untuk menjadi seorang juruhebah, deejay, moderator dan sebagainya. Ilmu-ilmu protokol juga turut diberikan untuk memastikan ahlinya mempunyai ilmu yang tepat untuk menguruskan sesuatu acara atau majlis.

“Gema Bicara Sukma”

PENCAPAIAN

Antara pencapaian ahli kelab ini termasuklah perkhidmatan pengacara, deejay dan moderator sepanjang Pesta Konvokesyen UMT yang merupakan acara wajib tahunan. Kelab ini juga bertindak selaku pelaksana protokol pelbagai majlis besar di UMT dan turut bekerjasama dengan kelab lain yang memerlukan perkhidmatan pengacaraan dalam pelbagai bentuk majlis. Selain itu Kelab GEMERSIK turut aktif menerima sebarang perkhidmatan daripada pihak luar yang memerlukan pengacara majlis.



RANCANGAN MASA HADAPAN

Antara rancangan masa depan yang dirangka oleh Kelab GEMERSIK adalah untuk melaksanakan kelas atau kursus intensif yang berkesan untuk para ahlinya memantapkan kemahiran dalam bidang pengacaraan. Kelab ini juga bermatlamat untuk bersaing dengan kelab-kelab pengacaraan universiti lain bagi bertukar ilmu mengenai pengacaraan di samping memperbaiki kemahiran ahlinya di peringkat yang lebih tinggi.



Disediakan oleh:
Pazrilazran Bin Pajjan



MARSHMELLO RUN 2017

KELAB MAHASISWA/I SABAH KEMASIS



Dalam usaha meningkatkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat kampus dan masyarakat setempat terutamanya dalam kalangan pelajar UMT, Kelab Kebudayaan Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) UMT telah muncul dengan sebuah program berimpak tinggi iaitu Marshmello Run yang diadakan pada 25 November 2017 di Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail UMT. Program Marshmello Run ini merupakan program yang pertama kali diadakan di Malaysia dan di seluruh pelusuk dunia. Program Marshmello Run ialah program larian yang berkonsepkan "larian bersama Maskot Marshmellow" pada waktu malam dengan diiringi oleh lagu Dj Marshmello dan dihiasi cahaya lampu kelip-kelip serta glowstick berwarna-warni.


Program ini buat julung kalinya diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan telah menarik minat serta mendapat sambutan pelbagai lapisan masyarakat untuk menyertai program ini. Selain penyertaan

daripada kalangan pelajar UMT sendiri, larian ini juga mendapat sambutan daripada kalangan pelajar universiti terdekat UMT iaitu pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) serta masyarakat setempat. Seramai 500 orang

peserta Marshmello Run dengan kekuatan 26 orang ahli jawatankuasa pelaksana program iaitu daripada kalangan Majlis Pimpinan KEMASIS UMT sidang 17/18 dan seramai 34 orang krew terlibat dalam menjayakan program larian ini.



Disediakan oleh:
Muhammad Ameerul Hafiz Bin Mohd Rosli



From zero to hero “, itulah gambaran yang dapat diungkapkan tentang kelab Himpunan Mahasiswa Anak Kelantan Universiti Malaysia Terengganu 2016/2017 (HIMSAK UMT 2016/2017). Kelab yang pada asalnya hanya terdiri daripada beberapa orang ahli sahaja kemudian berubah menjadi antara kelab yang mempunyai paling ramai ahli di dalam UMT dan sekaligus menerima anugerah kelab paling ramai ahli mendaftar semasa program Jom Masuk Kelab (JMK) 2016 diadakan.

Pada awal penubuhan, kelab HIMSAK UMT hanya mempunyai RM200 di dalam akaun kelab sebagai wang permulaan, namun wang itu meningkat sehingga RM 3000 selepas setahun penubuhan. Sudah lebih 40 program yang dianjurkan oleh HIMSAK UMT antaranya mendaki ke Bukit Kluang, Futsal wanita terbuka UMT, Hari Keluarga di Gambang Waterpark, HIMSAK FITNESS dan pelbagai lagi. HIMSAK UMT juga telah menubuhkan skuad bola sepak HIMSAK TRW FC dan telah menyertai lebih 15 perlawanan bersama kelab

komuniti luar serta mengadakan perlawanan persahabatan amal bagi membantu sukarelawan ke Kemboja dan Filipina. HIMSAK UMT juga merupakan antara ranking top 5 HIMSAK IPTA yang cemerlang sekaligus menaikkan nama Universiti Malaysia Terengganu sebagai kelab himpunan anak Kelantan yang berjaya.

Apakah ramuan untuk membentuk kelab terbaik? Jawapannya adalah Strategi, Semangat, Doa dan Motivasi yang tinggi. Jika hendak diceritakan detik perjalanan HIMSAK UMT dalam mencapai kejayaan seperti sekarang

amatlah panjang kerana dugaan yang dilalui sepanjang penubuhan telah hampir membuatkan diri ini hampir mengalah tetapi syukur Alhamdulillah dengan izin Allah SWT saya dapat menanganinya. Ketika dipilih untuk menjadi Presiden HIMSAK UMT , dalam kepala saya hanya berfikir mengenai sebuah tanggungjawab dan amanah yang besar dengan serba kekurangan malah anggapan salah seorang exco HIMSAK UMT ketika itu menyatakan bahawa kelab ini tidak akan hidup dan mentertawakan saya apabila saya mengatakan saya ingin page Facebook HIMSAK

Jejak Alumni

18 Samudera | Mac 2018

UMT diikuti oleh 500 orang dalam tempoh masa 5 bulan. Pelbagai bentuk perli dan kutukan saya terima sepanjang 3 hingga 4 bulan penubuhan HIMSAK sehinggakan ada yang meletakkan jawatan sebagai exco HIMSAK kerana tidak tahan diperli, malah lebih teruk lagi orang Kelantan sendiri turut mengutuk dan memerli. "Jika tidak merasa pahitnya cabaran, nescaya kita takkan dapat merasa manisnya kejayaan". Saya mengubah anggapan orang ramai mengenai kelab HIMSAK UMT sebagai kelab yang hanya menumpukan kepada anak Kelantan sahaja dengan

membuka kaunter pendaftaran ahli kepada ahli dari negeri lain dan membawa mahasiswa negeri lain menyertai pelbagai program yang dianjurkan oleh HIMSAK UMT sama ada di dalam mahupun luar UMT. Pelbagai dugaan dan halangan saya dan semua exco telah lalui, mungkin selepas ini saya boleh menulis sebuah buku berkenaan "From zero to hero" atau juga boleh memberi talk kepada semua Presiden dan exco sebagai pencetus semangat dalam memimpin sesebuah organisasi.

Kini saya sudah membawa HIMSAK UMT ke 2 negara luar iaitu Hatyai, Thailand 2016 dan

yang terbaru ke Jakarta, Indonesia pada Oktober 2017. Saya sentiasa mengingati kata-kata yang diucapkan oleh TNC HEPA UMT yang baharu iaitu "kita membawa nama kelab, jangan lupa pada nama UMT". Alhamdulillah nama UMT sentiasa terpahat di dada saya. Sekarang ahli HIMSAK UMT tidak perlu malu untuk mengaku ahli kerana kebanyakannya sudah mengenali apa itu HIMSAK UMT dan setakat ini kita sudah mengadakan lebih 50 kolaborasi dengan pelbagai kelab dan komuniti sama ada di dalam dan juga luar UMT".



SETIAP YANG BERUSAHA
HIMSAK
PASTI AKAN BERJAYA





Disediakan oleh:
Anis Sofea binti Zulpakar

Kenali Kelab

Samudera | Mac 2018

19

DEKATKAN JARAK KITA

A L - Q U D S D I K A L B U



S elagi belum tibanya kiamat, negara Palestin akan senantiasa menjadi isu utama bagi umat Islam seantero dunia, tanpa mengenal negara, bangsa mahupun ideologi politik dan selagi mana bergelar Muslim, isu pembebasan Palestin dari campur tangan Yahudi sepatutnya menjadi agenda perdana umat Islam pada era milenium kini. Kita sedia maklum tentang detik hitam buat seluruh umat Islam di dunia ini pada tanggal 7 Disember 2017, Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mencabar dunia Islam dengan mengisytiharkan Baitul Maqdis sebagai ibu kota Israel. Ibarat menyalakan api yang

telah lama malap, kita menyaksikan umat Islam telah menunjukkan tanda protes terhadap keputusan ini sebagai isyarat ketidakpuasan hati terhadap pengisytiharan yang tidak diresmi dunia ini. Isu ini bukanlah isu baharu yang hangat diperkatakan. Bahkan, ianya merupakan isu yang sudah lama terpampang dalam lipatan sejarah sejak sekian lama. Deklarasi Balfour atau bahasa mudahnya perjanjian yang telah dimeterai pada tarikh 2 November 1917 antara Menteri Luar Britain yang bernama Arthur James Balfour kepada Lord Rothschild, pemimpin komuniti Yahudi Inggeris, untuk dikirimkan kepada Zionis. Surat itu dikirim dengan bertujuan

untuk menyatakan polisi yang dipersetujui dalam mesyuarat kabinet Inggeris pada 31 Oktober 1917 iaitu telah menyebut bahawa pemerintah Inggeris telah memberi isyarat 'green light' sebagai tanda menyokong rancangan-rancangan Zionis mewujudkan negara haram Yahudi di Palestin. Secara ringkasnya, deklarasi tersebut telah memberikan hak kependudukan kepada Yahudi seterusnya menjajah bumi Palestin lalu membentuk negara haram Israel. Peristiwa inilah merupakan batu asas kepada siri penjajahan Zionis laknatullah sambil disokong kuat oleh sekutu mereka, ke atas bumi Palestin. Melihat kepada isu ini, Kelab Amatur Intelktual (KAI) dengan rasa



**PROGRAM BERJALAN
RANCAK DENGAN
KELETAH
MODERATOR DAN
PENYAMPAIAN
YANG MANTAP DARI
PANEL JEMPUTAN**

**SESI PENYAMPAIAN
CENDERAHATI YANG
DISAMPAIKAN OLEH
PRESIDEN KELAB AMATUR
INTELEKTUAL (KAI) UMT,
SAUDARA ABDUL RAZAK
BIN RAMLI KEPADA TUAN
HAJI WAN MOHD SHARAFI
BIN WAN MUSTAFFA**



bertanggungjawab telah mengambil langkah proaktif dalam menjadi agen penyampai maklumat kepada seluruh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu. Pada tanggal 23 Disember 2017, sebuah program yang diberi nama "Dekatkan Jarak Kita: Al-Quds Di Kalbu" telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ). Program yang berkaitan isu Palestin ini bukanlah yang julung kalinya pernah dilakukan. Antara program lain yang turut memfokuskan terhadap isu Palestin sebelum ini adalah seperti program "The Forgotten Promise" yang bertujuan untuk menunjukkan kecaknaan kami sebagai mahasiswa selain membina solidariti buat saudara seakidah di sana iaitu bumi Palestin. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah

S.W.T program "Dekatkan Jarak Kita :Al-Quds Di Kalbu" yang diadakan telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dan menggalakkan daripada seluruh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Terengganu dengan kehadiran berjumlah 237 peserta termasuk para penggerak program. Pada malam tersebut, program turut diserikan dengan kehadiran Tuan Haji Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustaffa yang merupakan Penolong Pengarah Pembangunan Insan MPKB, Presiden Pertubuhan Cakna Palestin Malaysia, Felo MYAQSA Malaysia dan juga merupakan figura yang tidak asing lagi dalam pertubuhan Aman Palestin, sebuah NGO yang sentiasa ke hadapan dalam mendepani isu Palestin ini. Pelbagai perkongsian, maklumat dan ilmu yang sangat bermanfaat

dapat diperoleh daripada panel jemputan yang sedikit sebanyak telah membuka mata hati mahasiswa dan mahasiswi supaya cakna dan seterusnya menyampaikan maklumat kepada seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu. Konklusinya, diharap program program ilmiah sebegini akan dapat diteruskan kesinambungannya untuk masa akan datang yang dilihat impaknya mampu menjadi wadah atau 'platform' untuk menyebarkan maklumat yang sebenar akan nasib saudara seakidah kita, kepada seluruh warga UMT untuk kita bersama bersatu hati mengambil ibrah dan pengajaran.



Disediakan oleh:
Kelab SOHOR UMT

KEMBARA DARUL KHUSUS



Barisan Majlis Tertinggi Kembara Darul Khusus bergambar bersama YB Dato ' Shamsulkaahar Bin Mohd Deli sewaktu Majlis Perasmian Penutup.



Lawatan ke sekitar kampung melihat keistimewaan kampung seperti ladang cili fertigasi bersama Ketua Kampung dan Penyelaras Kelab.



Muafakat Tiada Noktah lawatan dan pemberian sumbangan kepada golongan asnaf di sekitar kampung.





KELAS TEKNIKAL KAYAK BERSAMA TNC HEPA



16 Disember- Seramai 35 orang pelajar yang terdiri daripada ahli kelab UMT Wavebreakers dan atlet kayak universiti telah menyertai Kelas Teknikal Kayak yang dianjurkan oleh kelab UMT Wavebreaker. Program sehari ini telah berlangsung dengan baik dengan kehadiran PM Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali, TNC HEPA. Turut hadir sepanjang program ialah Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi, Haji Mohamad Rafee bin Jusoh, Puan Siti Noriam binti Yaakob, Penasihat kelab serta En Dzulkifli Abas, Presiden Persatuan Kanu Terengganu yang sudi meluangkan masa memberi ceramah tentang Keselamatan di Air. Slot keselamatan di air mendedahkan kepada semua peserta berkaitan asas undang-undang dan peraturan menggunakan peralatan sukan air seperti kayak yang terdedah dengan pelbagai risiko keselamatan serta boleh membahayakan nyawa. Peluang paling berharga kepada para peserta ialah perkongsian ilmu oleh PM Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali berkaitan kaedah membaiki barangan berasaskan polimer dan fiber. Beliau telah mengajar peserta cara membaiki kayak yang rosak melalui kelas teori dan membuat amali serta demostrasi membaiki kayak menggunakan Paint Thinner dan set fiber yang terdiri daripada Hydrofluoric Acid dan Polypropylene. Program ini telah berjaya dilaksanakan dan meningkatkan kreativiti pelajar melalui kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah (PLO 3-ICGPA) dan kemahiran sosial, kerja berkumpulan dan tanggungjawab (PLO 5-ICGPA). Kelas teknikal kayak akan dilanjutkan untuk sesi kedua yang dijangka akan dibuat pada pertengahan Mac tahun ini.



Disediakan oleh:
Mohd Syafiq Aizat Bin Abdul Aziz



UMT JUARA ! KEJOHANAN LIGA BOLA SEPAK IPT DIVISYEN 2, 2017

Pasukan Bola Sepak Universiti Malaysia Terengganu telah dinobatkan sebagai juara dalam Kejuhanan Liga Bola Sepak IPT Divisyen 2, 2017 yang telah berlangsung di UiTM Seri Iskandar, Perak pada 5-11 November 2017. Pasukan UMT memulakan perlawanan secara sederhana apabila sekadar seri pada perlawanan pertama peringkat kumpulan. Namun, atlet-atlet pelajar UMT kembali tampil dengan prestasi yang memberangsangkan dengan memenangi semua perlawanan seterusnya sekaligus menjuarai Divisyen 2 kali ini. Pada tahun 2016, Pasukan UMT telah berjaya menjadi Naib Johan Pusingan Kelayakan seterusnya layak secara automatik ke Divisyen 2 bagi tahun 2017. UMT membawa pulang RM 3,000 beserta piala dan medal.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali turut berbangga dengan kejayaan ini dan telah bersetuju untuk memberi Insentif Kemenangan sebanyak RM 3,000 kepada pasukan. Majlis Insentif tersebut telah diadakan pada 16 November 2017 bertempat di Ruang Legar Pejabat HEPA dan dihadiri Pengarah-Pengarah Pusat HEPA. Tahniah !





*"Tiada kejayaan semanis madu,
jika tiada pengorbanan sepahit hempedu"*

MUHAMMAD ASYRAF AFIF BIN RAMLI

Ijazah Sarjana Muda Kaunseling

Presiden Kelab Pembimbing Rakan Siswa (2015/2016)

KEJAYAAN SEPANJANG BERADA DI UMT

- ⇒ Anugerah Dekan selama 8 semester
- ⇒ Anugerah Jasa Kepimpinan Kelab PRS UMT
- ⇒ Anugerah Tokoh Siswa KPT 2016
(Kategori: Anugerah Pemimpin Sukarelawan Terbuka)
- ⇒ Anugerah Pelajar Cemerlang
PERKAMA International
- ⇒ Anugerah Pelajaran DiRaja UMT ke-15

PESANAN BUAT PENUNTUT ILMU

- ⇒ Sesuatu kejayaan tidak akan dapat dicapai tanpa mengharungi kesusahan & kepayahan.
- ⇒ Hadapilah kepayahan & kesusahan itu dengan hati yang sabar dan cekal.
- ⇒ Mudah-mudahan ia menjadi suatu kemanisan yang bermakna dalam diri kita semua.
InshaAllah

PENGARAH PROGRAM

- ⇒ Misi Kemanusiaan & Akademik D'Vietnam
- ⇒ Misi Pembimbing Sukarelawan Siswa: Pembangunan Sosial & Ekonomi D'Kelantan (UMT-UMK)
- ⇒ Program-program motivasi sekolah



INSPIRASI KEJAYAAN

- ⇒ SPM yang tidak cemerlang
- ⇒ Kegagalan hari ini bukannya kegagalan di masa hadapan
- ⇒ Kurang rasa keyakinan dalam diri
- ⇒ Bangkit bagi membuktikan diri tetap boleh mencapai kejayaan yang diinginkan.
- ⇒ Mahu membanggakan ibu bapa & keluarga

PENGALAMAN BERPROGRAM

- ⇒ Dapat memahami skop sesuatu tugas secara lebih mendalam
- ⇒ Lebih mengenali sesuatu latar belakang budaya
- ⇒ Menjadikan diri sebagai seorang mahasiswa yang berintegriti, berwawasan & aktif

TIPS-TIPS KEJAYAAN

- ⇒ Fokus & usaha terhadap matlamat yang hendak dicapai
- ⇒ Selalu memohon doa ibu & bapa
- ⇒ Solat Sunat Dhuha
- ⇒ Bersedekah & berbuat baik kepada semua
- ⇒ Sayangi & hormati guru-guru serta para pensyarah



TEMU BUAL PENUH:
KONVOKESYEN KE-15 UMT : MUHAMMAD ASYRAF AFIF RAMLI



Disediakan oleh:
Noor Adilatul Husna Binti Arfiec



MAHASISWA PPPSE MENGASAH BAKAT DI BRUNEI



Seramai 15 orang mahasiswa dari 3 program berbeza iaitu Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Sumber Alam, Sarjana Muda Kaunseling serta Sarjana Muda Polisi dan Sekitaran Sosial telah terpilih ke “Global Discovery Program: PPPSE UMT & SHBIE.UBD” bertempat di Universiti Brunei Darussalam. Program ini adalah hasil anjuran Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE) Universiti Malaysia Terengganu dengan kerjasama Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE) Universiti Brunei Darussalam dan berlangsung selama 4 hari bermula 5 Disember 2017 sehingga 8 Disember 2017.

Mahasiswa PPPSE diberi peluang bagi menonjolkan kemahiran komunikasi berdasarkan pembentangan Kertas Kerja. Di samping itu, mahasiswa juga mampu meningkatkan keyakinan diri serta bertukar pendapat yang mungkin berbeza mengikut latar belakang budaya dan etnik.

Pendedahan baru menyuntik nilai keberanian dalam melakukan perkara berbeza sekaligus menyemai kekuatan dan mengenal pasti kelemahan yang boleh diperbaiki oleh setiap individu. Selain itu, mahasiswa juga dapat meneroka sebuah negara kecil yang tiada perbezaan

ketara dengan Malaysia tetapi masih mempunyai keunikan tersendiri dari segi bahasa dan adat warisan. Ianya dapat membuka mata mahasiswa bahawa negara Brunei mementingkan pembangunan akhlak dan sahsiah masyarakatnya seiring dengan pembangunan negara.



TEROKAI DUNIA KOSMETIK



Kandungan Produk

Petrolatum
Kolagen
Paraben

Kesan Petrolatum

Petrolatum adalah produk sampingan dari pada minyak mentah. Walaupun ia membantu menjaga kelembapan kulit, namun kandungan petrolatum menyebabkan bakteria dan kotoran tersumbat di dalam pori-pori dan menyebabkan jerawat dan iritasi.

Kesan Paraben

Paraben digunakan untuk mencegah pembentukan mikrob di dalam produk kosmetik dan boleh meresap ke dalam kulit, darah dan saluran penghadaman. Gangguan endokrin merupakan antara kesan sampingan kandungan paraben dalam kosmetik.

Secara umumnya, produk kosmetik ditakrifkan sebagai produk yang digunakan secara luaran untuk mencantikkan seseorang individu. Di peringkat kawalan regulatori, kosmetik mempunyai konsep yang lebih terperinci dan jelas iaitu bahan yang akan pada bahagian luaran badan manusia bertujuan membersihkan, mewangi, mengubah penampilan, melindungi dan mengekalkan dalam keadaan sihat.

Kesan Kolagen

Kolagen adalah protein utama bagi tisu sokongan dalam badan manusia di mana ia mengekalkan kelembapan dan menyegarkan kulit. Namun, kebanyakan produk komersial kolagen menggunakan bahan kimia seperti merkuri dalam pembuatannya yang dapat memberi kesan kepada masalah ruam pada kulit.

Pastikan produk yang dibeli itu telah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Produk yang selamat digunakan perlu mempunyai nombor notifikasi dari KKM.

Penting untuk pilih produk yang diproses daripada bahan semulajadi dan sesuai dengan pH kulit kita kerana ia tidak akan memudaratkan kulit dan kesihatan kita. Asid yang berlebihan boleh merengsakan kulit.



Pilih produk yang "water-base" bagi mengekalkan kelembapan kulit anda kerana ia mudah diserap oleh kulit dan tidak meninggalkan sisa.

Pilih produk yang tidak mengandungi alkohol kerana alkohol menyebabkan kulit cepat kering. Kulit kering akan menyebabkan lebih banyak masalah kulit seperti kulit kusam dan jerawat.



Disediakan oleh:
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

RUKUN ISLAM

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجُّ الْبَيْتِ
وَصَوْمُ رَمَضَانَ .

[رواه الترمذي ومسلم]

اللَّهُ مُحَمَّدٌ

Melafazkan dua kalimah Syahadah



Mendirikan Solat



Menunaikan Zakat



Mengerjakan Haji



Berpuasa di bulan Ramadan



LIKE AND FOLLOW US ON



**penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt**